

**BAB LIMA:**

**PENUTUP**

Penulis telah membahagikan bab ini kepada dua bahagian. Dalam bahagian A, penulis telah membuat beberapa kesimpulan berkaitan kajian ini. Manakala dalam bahagian kedua iaitu bahagian B, penulis telah menyarankan beberapa cadangan hasil daripada kajian yang dilakukan ini.

## 5.1) KESIMPULAN

Hasil daripada apa yang telah dibincangkan, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Penulis telah menyusun perkara-perkara tersebut sebagai kesimpulan bagi kajian ini.

- 1) Para pelajar yang diterima melanjutkan pelajaran di bawah Program Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA merupakan mereka yang mendapat kelulusan yang baik di dalam peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Terdapat sebilangan pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan SPM yang melayakkan mereka mengikuti pengajian di IPTA, tetapi mereka tetap memilih KUSZA. Ini kerana di KUSZA, mereka berpeluang menyambung pelajaran di luar negara seperti di Universiti al-Azhar, Mesir. Ini juga membuktikan bahawa KUSZA mempunyai keistimewaan tersendiri seperti para pensyarah yang berpengalaman dan berkualiti serta kemudahan-kemudahan yang membolehkan para pelajar belajar dengan baik.

- 2) Hasil daripada penyelidikan ini, didapati penguasaan kursus yang ditawarkan di kalangan para pelajar Syariah adalah agak memuaskan. Keputusan peperiksaan mereka menunjukkan satu pencapaian yang boleh dibanggakan. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan pelajar yang memperoleh keputusan peperiksaan yang rendah. Walaupun pencapaian akademik tidak dapat diukur sepenuhnya melalui keputusan peperiksaan sahaja, namun sekurang-kurangnya ia memberi satu gambaran keseluruhan tentang pencapaian mereka.
- 3) Dari segi penguasaan Bahasa Arab, para pelajar ini berada di tahap yang sederhana. Walaupun mereka merupakan pelajar yang mendapat kepujian di dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi di peringkat SPM, tetapi penguasaan mereka kurang berkembang di KUSZA. Ini kerana hampir keseluruhan pensyarah lebih banyak menggunakan Bahasa Melayu ketika menyampaikan pengajaran.
- 4) Penulis mendapati penglibatan pelajar di dalam kelas amat tidak memuaskan. Hanya sebilangan pelajar yang mengajukan soalan kepada pensyarah atau mengemukakan pendapat mereka tentang apa yang dibincangkan.
- 5) Para pensyarah yang berkhidmat di KUSZA adalah terdiri dari mereka yang berkelayakan. 87% daripada pensyarah-pensyarah Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA merupakan lulusan luar negara seperti Universiti al-Azhar, Mesir dan juga Universiti Madinah. Selain itu, terdapat juga di kalangan

mereka yang mendapat pendidikan di universiti-universiti terkemuka di negara kita, seperti UIA, UM, UKM dan juga KUSZA. Sebilangan besar para pensyarah pula telah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana.

- 6) Kaedah pengajaran yang menjadi amalan para pensyarah Syariah di KUSZA ialah syarahan, pembentangan, soaljawab dan juga bercerita. Kaedah-kaedah lain seperti penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) , lawatan, perdebatan dan lakonan amat jarang dilakukan. Cara pengajaran mereka sudah berkembang dan tidak hanya terikat kepada kaedah syarahan.
- 7) Dari segi sukatan pelajaran, para pelajar bukan sahaja ditawarkan kursus-kursus berkaitan pengajian Syariah seperti Fiqh, Usul Fiqh, Fiqh Muqaran dan seumpamanya. Malah, mereka turut didedahkan dengan pengetahuan asas tentang ilmu Aqidah, Akhlaq serta al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, mereka turut ditawarkan matapelajaran lain seperti Kenegaraan Malaysia, Pengantar Sains Sosial dan Aplikasi Komputer.
- 8) Jawatankuasa Akademik KUSZA telah menetapkan beberapa buah kitab sebagai rujukan atau teks kepada para pelajar dan pensyarah. Kitab-kitab yang dipilih merupakan kitab yang terkenal dan amat sesuai dijadikan teks pengajian. Walaupun buku-buku rujukan telah ditetapkan, tetapi ia tidak bererti pensyarah hanya terhad kepada kitab-kitab tersebut. Mereka juga digalakkan untuk membuat rujukan kepada kitab-kitab lain yang berkaitan, agar pembelajaran menjadi lebih berkembang.

- 9) Langkah KUSZA mewajibkan semua pelajarnya untuk terlibat dalam bidang ko-kurikulum patut dicontohi oleh IPT yang lain. Ini kerana dengan cara ini, para pelajar dididik supaya lebih berdikari dan meluaskan pergaulan mereka. Ia juga dapat menyediakan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran lain seperti seni mempertahankan diri, seni khat, pengakap dan sebagainya.
- 10) Penyelidikan atau kajian ilmiah yang dihasilkan di KUSZA belum mencukupi untuk menjadikan KUSZA sebagai pusat perkembangan ilmu. Hanya sebilangan kecil hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh KUSZA mahupun Sekolah Pengajian Islam (Syariah).
- 11) Dakwaan yang mengatakan pelajar pengajian Islam berfikiran jumud tidak boleh diterima bulat-bulat. Ini kerana di IPT seperti KUSZA, mereka telah didedahkan dengan ilmu-ilmu lain seperti ilmu kemasyarakatan dan perniagaan. Cuma, pendedahan ilmu-ilmu ini kepada mereka tidaklah begitu luas sebagaimana para pelajar yang membuat pengkhususan dalam bidang tersebut.

## 5.2) CADANGAN

- 1) Penguasaan Bahasa Arab di kalangan pelajar DPI (Syariah) KUSZA perlu dipertingkatkan lagi. Langkah pensyarah menterjemahkan kembali pengajaran mereka daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu sememangnya membantu kefahaman pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan lebih banyak Bahasa Melayu daripada Bahasa Arab akan menyebabkan kebolehan mereka berbahasa Arab merosot.
  
- 2) Dari segi penguasaan kursus-kursus yang ditawarkan, ia juga perlu dipertingkatkan lagi. Para pelajar mestilah mempunyai inisiatif sendiri untuk meluaskan pembacaan mereka tanpa menghadkan kepada apa yang diajar oleh pensyarah sahaja.
  
- 3) Para pelajar perlu juga dididik dengan sikap suka berbincang dan mengemukakan pendapat tentang apa yang dipelajari. Mereka tidak sepatutnya malu untuk mengambil bahagian ketika berada di dalam kelas.
  
- 4) Kaedah pengajaran para pensyarah perlulah diperluaskan lagi. Mereka sepatutnya membiasakan diri dengan menggunakan kaedah-kaedah selain daripada syarahan dan soaljawab. Penggunaan ABM juga hendaklah diberi perhatian.

- 5) Sekolah Pengajian Islam (Syariah) KUSZA hendaklah memperbanyakkan lagi kajian-kajian ilmiah. Dengan kewujudan pensyarah-pensyarah yang cemerlang dan berpengalaman, sepatutnya telah banyak kajian ilmiah yang dihasilkan.
- 6) Para pelajar yang telah tamat pengajian perlulah berfikiran terbuka. Ini penting bagi membuktikan mereka tidak menolak pemodenan dan kemajuan sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

### **Cadangan Kajian Lanjutan.**

Kajian ini meliputi sebahagian sahaja skop dalam bidang pengajian Syariah. Setelah hampir menamatkan kajian ini, penulis mendapati terdapat beberapa kajian lanjutan yang boleh dilakukan. Di antaranya ialah:

- 1) Keberkesanan Metodologi Pengajian Syariah di KUSZA
- 2) Metodologi Pengajian Syariah di KUSZA: Satu Kajian Perbandingan Dengan IPT Lain.
- 3) Hubungan di Antara Metodologi Pengajian Syariah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.